

**NKRA rekod hasil positif
Utusan Online
01 April, 2012
Oleh Ilah Hafiz Aziz**

KUALA LUMPUR 31 Mac - Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, usaha mengurangkan kadar jenayah di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) telah menunjukkan hasil positif apabila merekodkan penurunan indeks jenayah hampir 50 peratus.

Beliau berkata, ia merangkumi 11.1 peratus bagi jenayah indeks manakala 39.7 peratus lagi jenayah jalanan.

Muhyiddin memuji usaha dilaksanakan PDRM dan agensi-agensi keselamatan ekoran pencapaian itu yang dilakukan menerusi pelbagai program.

"Ini termasuk Program Bandar Selamat yang menjadi bukti bahawa idea yang dicambah dalam Bengkel Program Transformasi Kerajaan (GTP) mampu diterjemahkan dalam persekitaran masyarakat.

"Keutamaan kerajaan menerusi GTP dengan mengenal pasti inisiatif yang dilaksanakan untuk mengurangkan indeks jenayah dan jenayah jalanan membuktikan kerajaan komited mewujudkan negara yang selamat untuk semua," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap sebelum merasmikan mesyuarat agung tahunan Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF) di Maktab Polis Diraja Malaysia di sini hari ini.

Turut hadir pada majlis itu, Ketua Polis Negara, Tan Sri Ismail Omar, Naib-naib Pengerusi MCPF iaitu Tan Sri Lee Lam Thye, Datuk Hendry Chin dan Datuk Kamaruddin Md. Ali.

Pada majlis itu, Muhyiddin turut menyampaikan Anugerah Emas MCPF kepada enam balai polis terbaik seluruh negara yang dipilih menerusi Program Lawatan Balai Polis 2011.

Balai terbabit adalah Balai Polis Taman Johor Jaya, Johor; Balai Polis Sea Park, Selangor; Balai Polis Panching, Pahang; Balai Polis Sungai Bakap, Pulau Pinang; Balai Polis Tambunan, Sabah dan Balai Polis Sentral Sibu, Sarawak.

Muhyiddin seterusnya menyeru masyarakat di dalam negara supaya membudayakan budaya selamat bagi mencapai kehidupan yang lebih sejahtera.

Demi mencapai aspirasi itu, katanya, orang ramai turut digesa supaya melihat keselamatan dari konteks yang lebih besar iaitu dengan menjadikan keselamatan sebagai salah satu cara hidup seharian.

Katanya, membudayakan keselamatan dalam kehidupan harian mampu melahirkan masyarakat yang lebih responsif kepada setiap perubahan yang disifatkan berisiko dalam persekitaran mereka.

"Dari sudut ekonomi pula, apabila masyarakat memberi keutamaan kepada soal keselamatan seperti jenayah, jalan raya, kesihatan atau kebakaran, kita mampu menjimatkan kos yang tinggi dari sudut perbelanjaan kesihatan, insurans dan undang-undang," katanya.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0401&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_04.htm